

Boleh mohon suntikan vaksin

Remaja ingin sambung pelajaran ke luar negara dibenar minta pelalian dengan izin ibu bapa

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Remaja berusia 17 tahun yang menyambung pengajian ke luar negara boleh memohon suntikan vaksin Covid-19 dengan kebenaran ibu bapa.

Timbalan Menteri Sains, Inovasi dan Teknologi, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, bagaimanapun pihaknya kini sedang menunggu dapatan klinikal yang lebih jelas berhubung

suntikan vaksin terhadap kumpulan terabit termasuk remaja berusia 12 ke atas.

"Remaja yang berkeperluan sebagai contoh menyambung pengajian ke luar negara, mereka boleh memohon suntikan vaksin dengan kebenaran ibu bapa dan ia akan dipertimbangkan," katanya ditemui selepas meninjau proses pembaikan paip air dasar sungai oleh Syarikat Air Terengganu (Satu) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Inc, Burhanuddin Helmi Mo-

hamed @ Harun di sini, semalam.

Mengenai pengambilan vaksin secara tanpa janji temu (*walk-in*) di negeri lain, beliau berkata ia akan dibuka apabila proses vaksinasi di Lembah Klang mencapai tahap yang memuaskan.

Menurutnya, proses vaksinasi melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) bagi populasi dewasa yang menerima satu dos vaksin

kini sudah mencapai angka 64 peratus di seluruh negara manakala sebanyak 30 peratus daripada populasi dewasa sudah lengkap dos kedua.

"Saya dapati perjalanan program vaksinasi ini berlangsung lebih laju daripada jangkaan yang ditetapkan sebelum ini."

"Namun, kita masih mengekalkan sasaran mencukupkan 80 peratus populasi dewasa un-

tuk dua dos lengkap, sebelum Oktober ini.

"Bagi Operasi Lonjakan Kapasiti Lembah Klang yang menjadi keutamaan kita ketika ini, kita dapat hampir 100 peratus suntikan satu dos untuk populasi dewasa," katanya.

Ahmad Amzad berkata, ada beberapa perkara yang sedang dalam proses akhir untuk diumumkan kementerian tidak lama lagi.

Katanya, pertama, mengenai keperluan dos booster atau penggalak, pihaknya kini sedang menumpukan se-

lekurang-kurangnya semua mendapat satu dos vaksin bagi melindungi diri diikuti dos kedua.

"Kemungkinan kita akan mempertimbangkan dos ketiga kerana langkah ini didapati dapat membantu kita berdepan varian Delta yang ganas ini."

"Keputusan ini juga turut berhubung dengan *heterogeneous gem*, maksudnya sebelum ini jika kita terima Sinovac, kemungkinan kita akan menerima Pfizer atau vaksin lain untuk dos ketiga," katanya.

Populasi
dewasa terima satu
dos vaksin mencapai
64% di seluruh negara